



## Garis Panduan Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Perspektif Maqasid Syariah

### *Guidelines for The Use of Artificial Intelligence (AI) in The Perspective of Maqasid Syariah*

<sup>1</sup>Nur Izzatul Husna Norshaharizal, <sup>2</sup>Siti Hajar Che Mohd Zamri,  
<sup>3</sup>Balqis Amani Zainal & <sup>4</sup>\*Nurin Afrina Mohd Fazlee

<sup>1</sup>Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [nurinafrinamfaz@gmail.com](mailto:nurinafrinamfaz@gmail.com)

#### Article history:

Submission date: 12 Dec 2024  
Received in revised form: 11 March 2025  
Acceptance date: 23 April 2025  
Available online: 1 August 2025

#### Keywords:

Maqasid Syariah, Justice, Islamic Law, Artificial Intelligence, Ethics

#### Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

#### Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

#### Cite as:

Norshaharizal, N. I. H., Che Mohd Zamri, S. H., Zainal, B. A., & Mohd Fazlee, N. A. (2025). Garis Panduan Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Perspektif Maqasid Syariah: Guidelines for The Use of Artificial Intelligence (AI) in The Perspective of Maqasid Syariah. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 6(1), 188–203. <https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v6i1.376>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [intelligentia.resources@gmail.com](mailto:intelligentia.resources@gmail.com)

#### SDG Elements:

Quality Education, Sustainable cities and communities



#### ABSTRACT

Artificial Intelligence (AI) is now utilised in various sectors, including education, healthcare, law, and public administration, making it a significant driver of the Fourth Industrial Revolution. Despite the vast potential and benefits gained by individuals who use it, numerous emerging issues related to ethics, morality and increasingly complex social responsibilities have arisen. In Islam, discussions about AI cannot be separated from the maqasid al-shariah, which are founded on human welfare and well-being. Although Islam encourages its followers to explore knowledge and advancements such as science and technology, their use must always align with Islamic principles. This study employs a qualitative document-analysis method, examining classical and contemporary sources, including academic journals, international policies, and the views of modern Islamic scholars. The findings show that the application of Maqasid al-Shariah in AI development not only ensures that it operates properly and ethically but also transforms it into a tool that strengthens human values. In terms of *Hifz al-Din* (preservation of religion), AI can be utilised through Islamic applications such as prayer-time detection and Quran learning. However, AI may bring harm if used without clear Shariah guidelines. This study emphasises that ethical considerations must be integrated into the development and use of AI to produce technologies that respect individual rights and safeguard universal well-being.



## ABSTRAK

Kecerdasan Buatan (AI) kini digunakan di pelbagai sektor dari pendidikan, kesihatan, perundangan dan pentadbiran awam menyebabkan AI adalah penyebab utama Revolusi 4.0. Di sebalik potensi dan manfaat besar yang diperoleh individu yang menggunakannya, muncul pelbagai masalah baharu berkaitan etika, moral dan tanggungjawab sosial yang semakin kompleks. Dalam Islam, perbincangan tentang AI tidak boleh dipisahkan daripada maqasid syariah yang berteraskan kemaslahatan dan kesejahteraan manusia. Walaupun Islam menggalakkan umat untuk meneroka kemajuan dan ilmu seperti sains dan teknologi, namun penggunaannya haruslah sentiasa selaras dengan tuntutan yang dianjurkan Islam. Kajian ini menggunakan metod kualitatif analisis dokumen terhadap sumber-sumber klasik dan kontemporari termasuk jurnal akademik, polisi antarabangsa serta pandangan sarjana Islam moden. Dapatan menunjukkan bahawa penerapan Maqasid al-Syariah dalam perkembangan AI bukan sahaja memastikan ia berjalan dengan baik dan beretika, malah menjadikannya alat untuk memperkukuh nilai kemanusiaan. Dari segi *Hifz al-Din* aplikasi AI dapat dimanfaatkan melalui aplikasi islamik seperti pengesanan waktu solat dan pembelajaran AI-Quran. Namun begitu, AI boleh membawa kemudharatan jika digunakan tanpa panduan syariah yang jelas. Kajian ini menegaskan bahawa pertimbangan etika wajib diterapkan dalam pembangunan dan penggunaan AI supaya dapat menghasilkan teknologi yang menghormati hak individu dan menjaga kemaslahatan sejagat.

## Pendahuluan

Perkembangan pesat teknologi Kecerdasan Buatan (*Artificial intelligence-AI*) telah memberi perubahan ketara dalam kehidupan manusia, khususnya dari aspek interaksi, pengurusan, pekerjaan, dan proses membuat keputusan. Teknologi ini digunakan secara meluas dalam pelbagai sektor termasuk pendidikan, kesihatan, kewangan, pentadbiran serta berperanan penting dalam meningkatkan kecekapan dan kebolehan manusia (Russel & Norvig, 2021; Vinothkumar & Karunamurthy, 2023). Walau bagaimanapun, di sebalik manfaat besar yang diberikan, penggunaan AI mencetuskan pelbagai persoalan etika dan kemanusiaan, terutama berkaitan tanggungjawab moral dan penyalahgunaan data (Jobin *et al.*, 2019).

Dari perspektif Islam, kemunculan AI bukan sekadar isu teknologi tetapi juga isu nilai dan tanggungjawab syariah. Islam mengiktiraf dan meraikan ilmu dan inovasi sebagai sebahagian daripada amanah khalifah di bumi, tetapi penggunaannya mestilah selaras dengan prinsip keadilan dan kemaslahatan manusia (Firmansyah, 2023). Maka, kemajuan teknologi terutama AI perlu dinilai bukan hanya sekadar dari segi keberkesanan, tetapi juga dari segi sejauh mana AI itu membawa manfaat kepada maqasid syariah iaitu tujuan yang ingin dicapai oleh Islam.

Isu menjadi lebih kritikal apabila ketiadaan panduan syariah dalam pengurusan AI boleh menyebabkan ancaman terhadap pemeliharaan agama, akal, harta dan kemaslahatan manusia, khususnya apabila AI disalahguna oleh individu untuk menyebarkan maklumat palsu, mengancam privasi dan menggugat integriti ilmu. Contohnya, AI yang digunakan untuk tujuan Pendidikan Islam dapat memperkukuh *hifz al-'aql* melalui penyebaran ilmu yang meluas dalam atas talian. Namun, jika seseorang menggunakan tanpa kawalan sehingga berlaku penyebaran maklumat yang tidak sahih atau palsu, maqasid syariah seperti *hifz al-din* dan *hifz al-aql* tidak lagi terjaga dan akhirnya tercemar.

Walaupun terdapat sekitar 84 dokumen etika AI antarabangsa telah diperkenalkan, kebanyakannya berasaskan kerangka sekular seperti *human-centric ethics* dan *deontological*



frameworks (Jobin *et al.*, 2019; Aliff, 2020). Dokumen ini tidak mengambil kira aspek rohani, niat dan hubungan manusia dengan Tuhan, menyebabkan muncul jurang dalam memastikan AI digunakan secara beretika menurut syariah. Tanpa merujuk kepada panduan daripada maqasid syariah, garis panduan etika AI akan bersifat materialistik dan terhad kepada manfaat di dunia sahaja bukan fokus kepada kemaslahatan di akhirat (Mohadi, 2023).

Tambahan pula, perkembangan teknologi terutama AI telah mewujudkan fenomena baru seperti mengubah peranan pendidik. Guru bukan lagi diletakkan sebagai satu-satunya penyampai pengetahuan tetapi sebagai fasilitator yang membolehkan pembelajaran kolaboratif dan memupuk keupayaan berdikari pelajar dalam pembelajaran (Serdianus & Saputra, 2023; Sholihah *et al.*, 2025). Maka, terdapat keperluan yang memaksa untuk merangka satu garis panduan syariah yang dapat menilai dan mengawal penggunaan AI berdasarkan prinsip maqasid syariah.

Oleh itu, artikel ini adalah untuk meneliti penggunaan *Artificial Intelligence* dalam perspektif maqasid syariah serta mencadangkan satu garis panduan Syariah bagi penggunaannya yang beretika dan bertanggungjawab. Dengan menerapkan prinsip maqasid syariah dalam pembangunan dan pelaksanaan AI, sudah tentulah teknologi ini dapat dimanfaatkan untuk mencapai kemaslahatan umum, memperkukuh keadilan sosial, serta memelihara kemanusiaan. Diharap kajian ini dapat menyumbang kepada masalah etika penggunaan AI dengan menawarkan sudut pandang Islam yang komprehensif.

## Sorotan Literatur

### *Kecerdasan Buatan (AI)*

Kecerdasan buatan merupakan antara teknologi yang semakin kerap digunakan oleh masyarakat dunia terutamanya dalam kalangan tenaga pengajar dan pelajar di institusi pendidikan. Hal ini kerana kecerdasan buatan iaitu lebih dikenali sebagai AI mempunyai pelbagai maklumat yang mudah didapati di hujung jari sahaja. Kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) didefinisikan sebagai keupayaan sistem beratur cara atau mesin untuk melaksanakan tugas dan fungsi yang menyerupai pemikiran manusia (Azilawati, 2023). Menurut Nor Aslamiah Ali pula, AI merupakan teknologi yang direka bentuk untuk meniru kecerdasan manusia, membolehkan sistem atau mesin tersebut belajar, berfikir, dan membuat keputusan secara sendiri tanpa campur tangan manusia. Secara umum, istilah AI merangkumi pelbagai fungsi mesin yang dikendalikan sama ada dengan bantuan manusia atau sepenuhnya secara sendiri (Agil, 2024). Ia turut dilihat sebagai agen transformasi yang berpotensi meningkatkan kecekapan operasi serta mutu penyampaian perkhidmatan.

Jabatan Digital Negara turut menghimpunkan beberapa definisi AI daripada badan antarabangsa seperti UNESCO, OECD dan AI-RMAP. UNESCO mendefinisikan AI sebagai teknologi pemprosesan maklumat yang menggabungkan model serta algoritma bagi memberikan keupayaan kepada mesin untuk mempelajari dan melaksanakan tugas kognitif termasuk membuat ramalan serta keputusan dalam persekitaran fizikal dan maya. OECD pula mentakrifkan AI sebagai sistem berasaskan mesin yang mampu membuat inferens untuk menghasilkan output seperti ramalan, cadangan kandungan, atau keputusan yang memberi kesan terhadap persekitaran fizikal dan maya. Sementara itu, AI-RMAP menjelaskan AI sebagai kumpulan teknologi yang membolehkan mesin mempamerkan kecerdasan, menyesuaikan diri dengan perubahan keadaan, serta menggunakan kecerdasan kolektif bagi menyelesaikan pelbagai masalah dengan tujuan meningkatkan kreativiti dan kapasiti intelektual manusia.



## *Hubungkait antara Maqasid Syariah dan AI*

Menurut Abdul Hadi Awang (2020), maqasid ialah bentuk jamak bagi perkataan *maqсад*, yang berasal daripada kata kerja *qasada* bermaksud niat atau tuntutan. Menurut Yunus (2022), Maqasid al-Shari'ah bermaksud tujuan, hasil, atau maksud yang dikehendaki oleh syarak di sebalik pensyariatian hukum-hakamnya. Tujuan utama Maqasid Syariah ialah untuk menarik kemaslahatan (*maslahah*) dan menolak kemudaratan (*mafsadah*) dalam kehidupan manusia (Rosidi *et al.*, 2022). Luqman Tarmizi (2019) turut menegaskan bahawa Maqasid Syariah merangkumi tujuan, hikmah dan rahsia di sebalik hukum-hakam Islam yang bertujuan untuk merealisasikan kesejahteraan dan kemaslahatan manusia. Oleh itu, dalam konteks AI, Maqasid Syariah berfungsi sebagai piawaian moral untuk memastikan teknologi digunakan untuk kepentingan manusia dari segi kelebihannya yang ada (Zabidi & Pawi, 2025). Ini bagi memastikan setiap penggunaan teknologi AI digunakan mengikut garis panduan islam selaras dengan prinsip syariah. Maka, sebagai langkah untuk menghalang para pengguna daripada penyalahgunaan AI, piawaian etika berdasarkan maqasid syariah perlu diperkembangkan.

Di Malaysia, Terdapat beberapa garis panduan yang telah ditetapkan iaitu Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan Negara (AIGE) (*The National Guidelines on AI Governance & Ethics*) (MOSTI, 2024) dan Garis Panduan Teknologi Kecerdasan Buatan Generatif (KBG) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Tinggi (KPT, 2024). Namun, kedua-duanya tidak menekankan aspek maqasid syariah tetapi lebih kepada etika semata-mata. Sehubungan dengan itu, lima prinsip utama Maqasid Syariah yang dikenali sebagai *al-Dharuriyyat al-Khamsah*, iaitu *Hifz al-Din*, *Hifz al-Aql*, *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-Nasl*, dan *Hifz al-Mal* perlu diberi penekanan kerana ianya lebih holistik yang merangkumi nilai moral dan etika islam.

*Hifz al-Din* menekankan kepentingan memelihara agama sebagai asas utama kehidupan umat Islam (Tarmizi, 2019; Ismail *et al.*, 2024). Dalam konteks AI, ianya boleh digunakan dalam perkembangan agama melalui maklumat tentang ibadah dan aqidah. *Hifz al-Nafs* pula menuntut agar manusia menjaga nyawa dengan mengelakkan perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan maka penggunaan AI dapat dijadikan sebagai rujukan dalam bab kesihatan. *Hifz al-Aql* bermaksud memelihara akal daripada perkara yang boleh merosakkan (Al Jufri *et al.*, 2021). Akal yang sihat melahirkan masyarakat berilmu dan berdaya saing (Aziz, 2023). Oleh itu, AI boleh digunakan dalam sistem pendidikan untuk mengembangkan ilmu secara lebih meluas. *Hifz al-Nasl* pula menekankan kepentingan menjaga keturunan bagi menjamin kelangsungan masyarakat yang baik dari segi akhlak dan agama (Hassim & Rosman, 2018). Maka pendekatan Maqasid al-Syariah dalam AI mampu melindungi pengguna daripada kandungan tidak bermoral dalam penggunaan AI. Akhir sekali, *Hifz al-Mal* bermaksud pemeliharaan harta daripada penyelewengan dan ketidakadilan maka penggunaan AI dapat menghalang amalan riba dan judi secara maya.

## **Metodologi**

Metodologi kajian ini mengambil pendekatan kualitatif dengan menganalisis dokumen daripada sumber utama iaitu penulisan jurnal, artikel dan fakta-fakta daripada pihak berwajib. Kajian perpustakaan juga telah dijalankan untuk melihat hubungkait AI dengan maqasid syariah. Dalam kajian ini, beberapa artikel menumpukan kepada penggunaan AI berasaskan konsep Maqasid Syariah. Artikel-artikel yang terpilih tidak terhad pada tarikh mula sehingga tahun 2025. Pangkalan data seperti *Research Gate* dan *Google Scholar* telah digunakan dalam mencari data. Kata kunci untuk carian termasuk maqasid Syariah, kecerdasan buatan dan *Artificial Intelligence*



digunakan untuk mencari artikel dan penulisan yang berkaitan dengan garis panduan penggunaan AI dalam perspektif maqasid Syariah.

## Perbincangan

Menurut Md Supi (2017), secara asasnya, Maqasid al-Syariah bermaksud membuat sesuatu kebaikan atau memberi manfaat, dan pada masa yang sama menolak keburukan serta menghilangkan mudarat. Kajian ini mengkaji bagaimana Maqasid al-Syariah boleh berfungsi sebagai rangka kerja etika yang menyeluruh untuk menilai dan membimbing pembangunan serta pelaksanaan AI (Mustapha & Malkan, 2025). Selain itu, kajian ini juga turut meneliti sejauh mana teknologi AI memberi kesan terhadap lima prinsip utama Maqasid al-Syariah, iaitu peliharaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan juga harta (*hifz al-mal*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa lima prinsip Maqasid ini adalah sesuai dengan garis panduan etika dalam mengarahkan penggunaan AI supaya ia kekal dalam kerangka melindungi nilai kemanusiaan, kerohanian dan keadilan sosial (Masyhadi, 2025). Namun, jika disalah guna atau tidak dikawal, ia juga mampu membawa *mafsadah* (kemudaratan) yang menjejaskan kesejahteraan umat. Oleh itu, penilaian hasil ini dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu kebaikan AI, keburukan AI dan juga garis panduan Islamik bagi mengawal penggunaannya menurut perspektif Maqasid al-Syariah.

## Aplikasi dan Kebaikan AI dalam Perspektif Maqasid al-Syariah

Perkembangan AI memberi peluang besar dalam memperkukuh pelaksanaan nilai-nilai Islam, selaras dengan objektif utama Maqasid al-Syariah yang berasaskan prinsip membawa manfaat dan menolak mudarat. Dalam konteks *hifz al-din* (peliharaan agama), teknologi AI boleh menjadi medium dakwah dan pendidikan Islam yang lebih efisien. Sebagai contoh, di pusat pendidikan seperti sekolah, AI kini tidak lagi terhad kepada aplikasi industri semata-mata, malah memainkan peranan penting dalam mengubah cara pelajar berinteraksi dengan kandungan al-Quran, sama ada melalui aplikasi mudah alih, bilik darjah maya, mahupun pembantu AI seperti *chatbox* Islamik yang dilatih bagi menjawab persoalan berkaitan hukum dan akidah (Hakim *et al.*, 2024). Selain itu, AI juga berpotensi membantu pihak berautoriti agama dalam menilai, menapis serta mengesan penyebaran ajaran sesat di platform digital. Oleh itu, Maqasid al-Syariah boleh dijadikan asas etika yang menyeluruh untuk memastikan AI berfungsi dalam ruang lingkup kebenaran dan keadilan agama.

Bagi *hifz al-nafs* (peliharaan nyawa), penggunaan AI dalam bidang kesihatan terbukti memberi manfaat besar. Sebagai contoh, AI mampu mengesan penyakit awal serta meningkatkan ketepatan dan kelajuan mendiagnosis penyakit seperti kanser payudara melalui imej lanjutan (Shaip, 2025). Selain itu, AI juga mampu membaca imej perubatan iaitu imbasan CT dan *X-ray* dengan lebih pantas berbanding manusia seperti ketidaknormalan dari imbasan strok hingga tulang patah hanya dalam beberapa minit (Rosie Ha, 2025). Teknologi seperti ini membantu menyelamatkan nyawa manusia dan mempertingkatkan taraf kesihatan sejagat. AI juga berpotensi besar dalam mewujudkan kemudahan kesihatan yang lebih pantas dan selamat, selaras dengan prinsip menjaga nyawa sebagai maqasid utama Syariah. Sementara itu, *hifz al-'aql* (peliharaan akal) dapat direalisasikan melalui aplikasi AI dalam sektor pendidikan. Pembelajaran adaptif berasaskan AI membantu pelajar menyesuaikan gaya belajar masing-masing dan memperkukuh daya fikir. Pengintegrasian AI dalam pendidikan ini juga membolehkan pendidik memantau pembelajaran pelajar secara personal dengan menganalisis data pelajar secara efisien (Mohamad



© Razak, 2024). Ini sejajar dengan tujuan Maqasid yang menekankan pembangunan akal dan ilmu sebagai tunjang kemajuan umat.

Dari segi *hifz al-nasl* (peliharaan keturunan) pula, teknologi AI menyumbang dalam bidang pembangunan keluarga dan kesihatan reproduktif. Aplikasi seperti sistem pemantauan anak-anak, kaunseling keluarga digital dan pendidikan rumah tangga berasaskan data membantu mengekalkan keharmonian keluarga. AI juga boleh digunakan untuk melindungi kanak-kanak daripada risiko yang semakin meningkat seperti buli siber, penipuan digital dan pendedahan awal kepada kandungan berbahaya (UTM NewsHub, 2025). Akhir sekali, *hifz al-mal* (peliharaan harta) turut mendapat manfaat melalui penggunaan AI dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam. Sistem pintar membantu mengesan penipuan kewangan, meningkatkan efisiensi pengurusan zakat dan wakaf, serta meminimumkan risiko pelaburan yang tidak patuh syariah. Selain itu, dalam aspek ekonomi, perkembangan AI juga telah membawa kesan positif kepada penggiat E-Dagang iaitu perniagaan dapat diluaskan melalui jualan atas talian seperti di platform *Tiktok*, *Instagram* dan *Facebook* dengan tontonan dari seluruh dunia (Mustapha, 2025). Justeru, penggunaan AI dalam kewangan Islam dapat menyokong keadilan ekonomi jika dibina atas dasar kejujuran, ketelusan dan tanggungjawab sosial.

Secara keseluruhannya, kebaikan AI sangat berkait rapat dengan Maqasid al-Syariah kerana ianya memfokuskan kepada menjaga kepentingan asas manusia seperti iman, nyawa, akal, keturunan dan kekayaan, sekaligus diaplikasikan dalam konteks ihsan, iaitu kecemerlangan dan kebajikan, yang memperjuangkan kecemerlangan akhlak dalam aplikasi teknologi, dan juga keadilan, yang menuntut kesaksamaan dalam kemajuan teknologi (Kannike & Fahm, 2025). Ia membuktikan bahawa kemajuan teknologi boleh menjadi instrumen pelengkap kepada usaha manusia dalam mencapai objektif Syariah sekiranya digunakan dengan panduan yang betul.

## Risiko dan Keburukan AI dalam Perspektif Maqasid al-Syariah

Perkembangan pesat AI telah membawa transformasi yang ketara merentasi pelbagai sektor tetapi juga memberikan cabaran etika yang kompleks dan mendesak (Habib, 2025). Kajian ini mendapati bahawa wujudnya risiko dan kesan negatif terhadap lima komponen Maqasid al-Syariah sekiranya penggunaannya tidak dikawal dengan baik.

Dalam konteks *hifz al-din*, penyebaran maklumat agama melalui sistem automatik seperti *chatbot* atau media sosial berasaskan AI tanpa pengawasan ulama boleh menyebabkan kekeliruan dalam hal-hal akidah dan hukum. Terdapat risiko AI menghasilkan tafsiran agama yang salah atau bercanggah dengan prinsip Islam apabila algoritma tidak dibina berdasarkan sumber sahih. Ini boleh melemahkan kefahaman masyarakat terhadap ajaran Islam sebenar.

Bagi *hifz al-nafs*, sistem AI yang digunakan dalam bidang keselamatan dan kesihatan tanpa ujian etika dan teknikal yang ketat berpotensi mengancam nyawa. Contohnya, kesilapan dalam sistem diagnosis automatik, kerosakan pada kenderaan pandu sendiri atau penyalahgunaan dron ketenteraan boleh menyebabkan kematian. Justeru, kawalan dan pengawasan manusia tetap diperlukan bagi mengelak kerosakan terhadap kehidupan manusia yang dijamin oleh syariah.

Dari aspek *hifz al-'aql*, ketergantungan berlebihan kepada AI boleh mengurangkan keupayaan berfikir secara kritikal. Manipulasi maklumat melalui algoritma juga mampu menanamkan bias pemikiran, mencipta penipuan maklumat dan merosakkan proses pembentukan ilmu. Hal ini menjejaskan integriti akal, sedangkan Islam meletakkan akal sebagai alat utama mengenal kebenaran dan membezakan yang hak serta batil.

Seterusnya, *hifz al-nasl* turut terdedah kepada ancaman apabila AI digunakan dalam konteks keluarga dan reproduksi. Isu seperti pelanggaran privasi data keluarga, penyalahgunaan



maklumat genetik dan pengaruh budaya asing melalui kandungan digital boleh menggugat kestabilan institusi kekeluargaan Islam. Tanpa kawalan, nilai murni dan batas syarak dalam kekeluargaan mungkin terhakis.

Dari segi *hifz al-mal*, dalam kewangan Islam, jika penggunaan AI tidak dikawal dengan baik serta tidak diseimbangkan dengan prinsip Syariah, ia boleh membuka ruang kepada penyelewengan dan ketidaktelusan, selain menyebabkan ketidaksamaan ekonomi serta kehilangan pekerjaan akibat automasi. Walaupun AI meningkatkan kecekapan, rangkuman kewangan dan pengurusan risiko dalam kewangan Islam, kebimbangan etika timbul mengenai ketelusan algoritma, keadilan, privasi data serta potensi *gharar* iaitu ketidakpastian yang berlebihan dan juga riba (Najib, Basarud-din & Fazial, 2025). Hal ini menunjukkan keperluan kepada pemantauan Syariah yang ketat agar penggunaan AI benar-benar menepati maqasid peliharaan harta.

Kesimpulannya, tanpa garis panduan Islamik yang jelas, AI berpotensi menimbulkan kerosakan kepada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, sekaligus menyalahi prinsip utama maqasid iaitu menjaga kesejahteraan manusia dan menolak kemudaratannya.

### **Solusi terhadap Isu Penggunaan AI berdasarkan Dapatan Kajian**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa beberapa langkah boleh diambil untuk mengurangkan isu etika dan risiko dalam penggunaan AI, terutamanya apabila ia dinilai melalui perspektif Maqasid al-Syariah. Antara solusi yang dikenal pasti ialah keperluan mewujudkan sistem kawal selia yang melibatkan ulama, pakar teknologi dan pihak berautoriti bagi memastikan ketepatan kandungan serta ketelusan cara AI berfungsi (Bernama, 2023). Selain itu, pemantauan secara berterusan juga penting untuk memastikan setiap aplikasi AI mematuhi prinsip *maslahah* dan tidak membawa kemudaratannya kepada agama, nyawa, akal, keturunan atau harta. Pendidikan literasi digital berasaskan nilai Islam turut dikenal pasti sebagai langkah penting untuk membentuk pengguna yang lebih sedar dan bertanggungjawab ketika menggunakan teknologi.

Di samping itu, penyedia AI disarankan membangunkan model dan aplikasi yang selari dengan etika Syariah, khususnya dalam aspek keselamatan, privasi data, ketelusan dan keadilan. Didapati bahawa Islam menyokong inovasi teknologi selagi ia tidak bercanggah dengan nilai moral seperti keadilan, tanggungjawab, ketelusan dan penghormatan terhadap hak individu (Sinaga, 2025). Selain itu, masa depan AI dalam masyarakat Islam, jika dibimbing dengan bijak, bukan sahaja dapat menjamin yang lebih adil dan aturan teknologi yang saksama, tetapi juga menghidupkan semula tradisi Islam yang berkekalan untuk mendamaikan iman dan akal, inovasi dan akhlak, ilmu dan kebajikan (Zahid & Abdullah, 2025). Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa isu penggunaan AI dapat diminimumkan melalui pendekatan syariah yang jelas serta penerapan nilai maqasid dalam reka bentuk dan pelaksanaan teknologi.

### **Garis Panduan Islamik dalam Penggunaan AI berdasarkan Maqasid al-Syariah**

Selain solusi umum yang dikenal pasti, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa kerangka penyelesaian yang paling efektif ialah garis panduan yang berpaksikan Maqasid al-Syariah. Bagi memastikan AI digunakan secara patuh syariah, kajian ini mencadangkan agar prinsip Maqasid al-Syariah dijadikan asas dalam penggubalan dasar dan etika penggunaan AI. Prinsip umum Maqasid seperti *maslahah* (kebaikan umum), *'adl* (keadilan) dan amanah (tanggungjawab) mesti menjadi panduan utama dalam setiap reka bentuk, pelaksanaan dan penilaian sistem.



Pertama, bagi *hifz al-din*, segala penggunaan AI yang melibatkan aspek agama perlu melalui penyeliaan ulama dan institusi berautoriti agar kandungan utama yang disebarkan adalah sahih. AI tidak boleh digunakan untuk tujuan eksploitasi atau penyebaran ideologi yang menyeleweng daripada ajaran Islam. Kedua, bagi *hifz al-nafs*, setiap teknologi AI yang berpotensi memberi kesan terhadap keselamatan atau nyawa manusia perlu melalui proses penilaian etika serta dilengkapi dengan mekanisme keselamatan (*fail-safe system*).

Ketiga, *hifz al-'aql*, penggunaan AI harus menyokong pembangunan intelektual dan pemikiran kritis manusia, bukannya menggantikannya. Pendidikan digital berasaskan AI mesti dilaksanakan secara seimbang agar manusia tidak bergantung sepenuhnya kepada mesin. Keempat, bagi *hifz al-nasl*, aplikasi AI perlu mematuhi prinsip keadilan, ketelusan dan pemeliharaan maruah dan autonomi manusia (Kannike & Fahm, 2025). Setiap teknologi yang melibatkan data peribadi harus mematuhi prinsip amanah dan *hifz al-sirr* (kerahsiaan).

Akhirnya, bagi *hifz al-mal*, AI mesti digunakan untuk memperkukuh keadilan ekonomi dan mengelak eksploitasi. Segala urusan niaga digital yang melibatkan AI perlu mematuhi prinsip syarak, bebas daripada unsur gharar (ketidaktentuan) dan riba. Mekanisme pelaksanaan garis panduan ini perlu dilakukan melalui dasar kerajaan, penggubalan polisi teknologi Islamik dan audit syariah terhadap sistem AI. Pendekatan berasaskan Maqasid mampu menjadi kerangka normatif bagi menilai setiap inovasi teknologi agar tetap dalam landasan syariah.

## Hubungan antara Etika AI dan Prinsip Maqasid

Maqasid Syariah merupakan satu konsep berasaskan prinsip-prinsip asas dalam Islam yang bertujuan memelihara serta mencapai kemaslahatan dan kesejahteraan manusia. Ia merangkumi lima objektif utama, iaitu memelihara agama (*din*), nyawa (*nafs*), akal (*'aql*), keturunan (*nasb*), dan harta (*mal*). Setiap asas utama dalam Maqasid Syariah berperanan sebagai panduan yang jelas bagi memastikan penggunaan teknologi kecerdasan buatan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berlandaskan etika (Masnih Mustapa, 2025). *Hifz al-Din* menekankan kepentingan memelihara agama sebagai keutamaan utama (Muqri Nizam, 2025). Contohnya, pembangunan aplikasi waktu solat sejajar dengan prinsip ini kerana ia memudahkan ibadah dan memastikan penggunaan teknologi AI selaras dengan Maqasid Syariah.

Selain itu, *hifz an nafs*. Ia terdiri daripada dua perkataan Arab yang digabungkan yang bermaksud pemeliharaan nyawa. Istilah *hifz* membawa erti menjaga atau memelihara manakala *al-nafs* merujuk kepada roh, jasad, serta darah manusia (Ibn Manzur, 2012). Sebagai contoh, kecerdasan buatan dapat membantu dalam penjagaan kesihatan seperti mengesan kanser lebih awal dan ia sejajar dengan prinsip *Hifz al-Nafs* yang menekankan perlindungan nyawa manusia. Sistem AI juga menunjukkan keupayaan tinggi dalam mengenal pasti tanda awal kanser payudara dan nodul paru-paru (Ali, 2024). Namun, penyalahgunaan teknologi seperti mengubah jantina dan memanipulasi ciptaan Allah boleh memberi kesan negatif (Muqri Nizam, 2025). Oleh itu, penggunaan teknologi mestilah berpandukan garis panduan syariah agar manfaatnya kekal selaras dengan tuntutan Islam.

Seterusnya, *Hifz al-Aql*. Islam menekankan kepentingan penggunaan akal dalam menempuh kehidupan di dunia. Setiap tindakan manusia perlu dipandu oleh akal yang berpandukan al-Quran dan As-Sunnah Rasulullah supaya amalan mereka sentiasa berada di jalan yang benar (Mat Saad & Rajamanickam, 2021; Razi *et al.*, 2025). Dalam al-Quran, Surah al-'Alaq, ayat 1, Allah berfirman yang bermaksud: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan makhluk." Ayat ini dikaitkan dengan adab dalam melakukan penyelidikan iaitu menegakkan keikhlasan semata-mata kerana Allah (Al-Alusi, 1994).



Penyelidikan yang dilakukan dengan niat kerana Allah akan melatih akal agar menjadi tajam dan mampu menghargai kehebatannya. Sebagai contohnya, AI dalam bidang pendidikan boleh dibangunkan supaya menghormati kaedah pembelajaran yang menekankan adab serta interaksi antara guru dan pelajar seperti mengenal pasti kelemahan pelajar dalam pelbagai subjek, menyediakan tutorial dan latihan khusus untuk meningkatkan pemahaman mereka. (Abas, 2025). Hal ini membuktikan bahawa pelbagai aplikasi Pendidikan mudah untuk didapati dan menjadikan sesebuah negara berkembang dalam teknologi moden seperti AI.

Di samping itu, *Hifz an-Nasl*. Prinsip ini menekankan kepentingan memelihara keturunan dan institusi keluarga agar kesinambungan manusia serta nilai moral terpelihara. Dalam konteks ini, teknologi AI seperti Chatbot boleh dimanfaatkan sebagai intervensi awal bagi membantu individu menghadapi tekanan mental dan mendapatkan sokongan awal (Nizam, 2025). Pendekatan ini selaras dengan konsep maşlahah yang menitikberatkan manfaat jangka panjang serta kesejahteraan moral dan etika masyarakat (Elmahjub, 2023).

Akhir sekali, *Hifz al-Māl* bermaksud memelihara harta daripada perkara haram dan syubhat dengan menggalakkan rezeki halal serta melarang riba dan penipuan (Barokah afiliat, 2025). Prinsip ini penting dalam menangani isu etika AI seperti tanggungjawab moral mesin dan diskriminasi algoritma yang boleh menjejaskan keadilan ekonomi. Oleh itu, penerapan *Hifz al-Māl* memastikan ketelusan dan akses saksama dalam penggunaan teknologi (Mustapha *et al.*, 2025; Mohd Azam *et al.*, 2025; Rosli *et al.*, 2025). Oleh itu, pendekatan Maqasid Syariah dapat memastikan dasar yang dilaksanakan selaras dengan keperluan semasa serta menyokong kesejahteraan masyarakat. Ini membuktikan bahawa Maqasid Syariah tetap relevan bukan sahaja dalam hukum klasik tetapi juga dalam menilai pembangunan teknologi moden (Mazri *et al.*, 2019; NorizanNizan *et al.*, 2025).

## Isu dan Cabaran Syariah dalam Penggunaan AI Kontemporari

Dalam era Revolusi Industri 4.0, penggunaan kecerdasan buatan (AI) semakin meluas dalam pelbagai sektor seperti kewangan, kesihatan, pendidikan dan pentadbiran. Namun, perkembangannya turut menimbulkan isu etika dan pematuhan syariah kerana kebanyakan sistem AI berasaskan nilai Barat yang tidak selaras dengan prinsip maqasid syariah. Oleh itu, kajian terhadap isu penggunaan AI tanpa panduan hukum Islam amat penting untuk memastikan teknologi ini digunakan secara beretika dan berlandaskan syariah.

Antara isu kontemporari yang timbul ialah ketiadaan garis panduan syariah khusus dalam penggunaan AI. Teknologi kecerdasan buatan (AI) berpotensi menjadikan medium yang melemahkan kepercayaan masyarakat. Sebagai contohnya, penyebaran maklumat palsu berisiko menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat khususnya berkaitan ajaran Islam (Asrol Awang, 2025). Keadaan ini bukan sahaja boleh menjejaskan kefahaman agama tetapi juga menggugat prinsip *Hifz al-Din* dalam maqasid syariah yang menuntut agar agama dan akidah umat Islam dipelihara daripada sebarang bentuk penyelewengan. Pihak berkuasa perlulah sentiasa memantau keadaan ini supaya alat ini boleh memberi kepercayaan kepada pengguna.

Selain itu, kebergantungan berlebihan terhadap AI menjejaskan keupayaan intelektual dan nilai pendidikan islam. Bergantungan yang berlebihan terhadap aplikasi AI seperti ChatGPT boleh menimbulkan kebimbangan serta kerisauan terhadap perkembangan keupayaan intelektual pelajar. Apabila pelajar terlalu bergantung kepada teknologi AI untuk menjawab soalan, menulis esei atau menyusun maklumat, kemampuan berfikir secara kritikal, menganalisis serta berinovasi dalam akademik berisiko untuk menurun dan merosot (Taha *et al.*, 2025). Menurut kajian oleh Khan *et al.* (2023), penggunaan AI tanpa kawalan yang seimbang boleh



membawa kepada kemalasan kognitif dalam kalangan pelajar serta menjejaskan semangat tadabbur dan ijtihad. Hal ini juga boleh menjejaskan prinsip *hifz aql* dalam maqasid syariah. Al-Qaradawi (1994) menegaskan bahawa umat Islam perlu menguasai kemajuan teknologi moden dengan penuh kebijaksanaan namun mereka tidak seharusnya diperhambakan oleh teknologi tersebut. Sehubungan itu, penggunaan AI hendaklah dilakukan secara seimbang iaitu dengan tidak menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab berfikir dan menganalisis kepada sistem AI. Oleh itu, kegagalan mengurus cabaran ini berpotensi menjejaskan keaslian ilmu Islam dan melemahkan jati diri pelajar sebagai pewaris ilmu yang sah.

Seterusnya, isu ketelusan dan tanggungjawab dalam pembangunan dan penggunaan AI amat penting. Sistem AI perlu berlandaskan prinsip ketelusan, keadilan, kebolehpercayaan, dan etika, termasuk menghormati hak pengguna, melindungi privasi, dan mengelakkan penyalahgunaan data. Contohnya, peranti rumah pintar seperti kamera keselamatan dan perakam suara mengumpul data pengguna secara berterusan. Maka, sistem AI perlu memastikan data ini digunakan secara telus untuk tujuan yang sah dan dilindungi daripada akses tanpa izin (Abu Samah, 2024). Namun, data ini sangat sensitif kerana ia boleh mendedahkan aktiviti harian, lokasi, perbualan, dan rutin keluarga. Justeru itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) perlu menjalankan tanggungjawab mereka untuk menjamin keselamatan pengguna.

Secara keseluruhan, penggunaan AI dalam pelbagai sektor membawa manfaat tetapi juga menimbulkan cabaran dari sudut etika dan syariah.

## Keperluan Garis Panduan Syariah dalam Penggunaan Sistem AI

Dalam masa terdekat, AI dijangka akan memainkan peranan yang semakin penting dalam kehidupan masyarakat sementara dunia akan menyaksikan pertumbuhan pesat dalam bidang robotik (Bouazzaoui et al., 2016). Banyak negara di seluruh dunia telah memulakan inisiatif untuk menerapkan sistem AI dalam pelbagai sektor. Seiring dengan timbulnya pelbagai isu dan cabaran, beberapa garis panduan telah diperkenalkan untuk mengawal selia penyelidikan dan pembangunan AI (Aliff Nawi et al., 2021).

Terdapat pelbagai garis panduan yang telah diperkenalkan bagi mengawal selia penyelidikan dan Pembangunan AI. Kerajaan United Kingdom telah memperkenalkan garis panduan bagi mengawal selia penyelidikan dan pembangunan AI yang menekankan lima prinsip utama: manfaat kepada manusia, keadilan, perlindungan privasi, hak pendidikan sejajar kemajuan AI, serta penolakan penggunaan AI sebagai senjata autonomi (House of Lords, 2018). Prinsip ini bertujuan memastikan keselamatan manusia dan melindungi hak serta privasi individu daripada penyalahgunaan teknologi.

Di Eropah, sekumpulan pakar AI telah mengumpul maklum balas mengenai draf garis panduan etika bagi memastikan kecerdasan buatan beroperasi secara boleh dipercayai, dan mereka telah menyediakan draf pertama garis panduan etika penyelidikan AI (European Commission, 2018). Dalam dokumen tersebut, 52 pakar dari pelbagai latar belakang menetapkan panduan bagaimana pembangun dan pengguna mesti memastikan AI menghormati hak asas, mematuhi peraturan dan prinsip teras, serta memastikan teknologi dikembangkan secara konsisten dan boleh dipercayai.

Sehingga kini, tiada negara Islam yang mengeluarkan garis panduan khusus mengenai penyelidikan dalam bidang teknologi AI. Bagaimanapun, penggunaan AI mula menarik minat beberapa negara Arab, contohnya penggunaan robot patroli dalam sektor keselamatan di Dubai,



Emiriah Arab Bersatu (UAE) (Al Shouk, 2018), serta robot Sophia, robot pertama yang diberi pengiktirafan sebagai warganegara di Arab Saudi (Pizzetti, 2019). Di Malaysia pula, penyelidikan AI telah dijalankan dalam beberapa bidang, termasuk penggunaan AI untuk mengesan dan meramal indeks kualiti air (Hameed *et al.*, 2017), meramal kadar sinaran tenaga solar (Khatib *et al.*, 2012), serta penggunaan neural network (ANN) dan *random forest* (RF) untuk ramalan jangka pendek *fotovoltaik* (PV) sebagai input bagi ramalan tenaga semasa (Othman *et al.*, 2019).

Oleh itu, penyediaan garis panduan Syariah bagi penggunaan AI perlu diutamakan kerana teknologi ini memberi kesan langsung kepada maqasid Syariah seperti pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Tanpa kerangka Syariah yang jelas, ia boleh menimbulkan risiko penyalahgunaan data, ketidakadilan algoritma dan pencabulan privasi. Maka, garis panduan Syariah penting untuk melindungi pengguna Muslim dan memastikan penggunaan AI selaras dengan etika Islam.

### Strategi Memastikan AI Selaras dengan Prinsip Maqasid Syariah

Islam sebagai agama yang menekankan ilmu mendorong umatnya bukan sahaja untuk menggunakan teknologi, tetapi juga menjadi pencipta dan peneraju dalam bidang-bidang seperti bioteknologi dan kejuruteraan digital. Antara strategi yang boleh kita lakukan ialah membangunkan satu kerangka perundangan yang lebih menyeluruh serta berasaskan nilai-nilai Islam yang berpaksikan kepada lima objektif utama Maqasid Syariah iaitu *hifz din, hifz aql, hifz nafs, hifz nasl dan hifz mal*. Dalam erti kata lain, sistem AI mestilah dibina untuk menawarkan konsep serta idea yang mempunyai isi kandungan berlawanan dengan nilai asas agama Islam seperti LGBTQ, keganasan seksual dan isu penderaan rumah tangga (Labanieh & Haron, 2023; Megat Danuwa *et al.*, 2025; ). Oleh itu, sistem AI perlu diberi penekanan secara menyeluruh serta memberi perlindungan kepada seluruh manusia.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh menerapkan aplikasi AI dalam pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah (Ahmad Taha *et al.*, 2025). Kemunculan aplikasi AI seperti ChatGPT telah membuka peluang dan ruang baharu yang inovatif dalam memperkukuh proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam bidang dan subjek Pendidikan Islam. Teknologi kecerdasan buatan ini mampu menyusun maklumat, menjana kandungan secara serta-merta serta berinteraksi menggunakan bahasa yang menyerupai manusia dan juga menghasilkan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan berpusatkan pelajar (Khalil & Er, 2023). Aktiviti seperti soalan pemahaman agama Islam, rumusan, serta pembinaan ayat baharu berdasarkan kosa kata tertentu dapat dijana dengan segera dan menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan fleksibel (Al-Fadhli & Yahaya, 2022). Kesimpulannya, keupayaan untuk mengakses dan menganalisis ilmu serta bidang agama Islam melalui teknologi seperti AI berpotensi melahirkan pelajar yang celik.

Akhir sekali, Malaysia boleh bekerjasama dengan negara antarabangsa dalam pembangunan dan penggunaan AI selaras dengan prinsip maqasid syariah. Contohnya, kerjasama antara Malaysia, UAE dan Rwanda dalam memperkukuh penggunaan AI di negara Selatan Global (Sakinah, 2025) serta usaha Malaysia bersama ASEAN menangani ancaman siber (Bernama, 2025). Inisiatif ini menepati prinsip *Hifz al- 'Aql, Hifz al-Mal dan Hifz al-Nafs* yang menekankan pemeliharaan akal, harta dan keselamatan masyarakat.

### Kesimpulan



Kajian ini membuktikan bahawa maqasid syariah dalam penggunaan AI merupakan perkara yang sangat penting bagi memastikan kemajuan teknologi seiring dengan nilai kemanusiaan dan keagamaan. Maqasid syariah juga dapat memberi keseimbangan antara dunia dan akhirat. Prinsip yang dipelihara oleh maqasid syariah seperti memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Perkara ini berfungsi sebagai asas kawalan moral terhadap segala bentuk inovasi yang dicipta manusia.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa AI boleh menjadi instrumen penting untuk merealisasikan masalah apabila digunakan secara berhemah. Sebagai contoh, aplikasi AI dalam kesihatan mampu menyelamatkan nyawa dan meningkatkan kualiti hidup manusia (*Hifz al-Nafs*), manakala dalam pendidikan Islam, ia boleh memperkukuh keilmuan dan daya intelektual pelajar (*Hifz al-'Aql*). Di samping itu, AI berpotensi memelihara harta (*Hifz al-Mal*) melalui sistem kewangan pintar dan pengurusan data yang telus. Namun begitu, penyalahgunaan AI seperti manipulasi maklumat dan salah guna maklumat peribadi boleh menjejaskan maqasid lain seperti *Hifz al-Din* dan *Hifz al-Nasl*. Oleh itu, penilaian etika yang berasaskan maqasid amat diperlukan untuk mengelak potensi *mafsadah* ini.

Artikel ini turut menegaskan keperluan pembentukan Garis Panduan Syariah bagi penggunaan AI yang selaras dengan maqasid syariah dan etika dalam islam. Garis panduan ini harus menekankan aspek kebertanggungjawaban moral dalam reka bentuk, pembangunan dan pelaksanaan sistem AI. Dalam hal ini, peranan institusi Islam, ulama dan penggubal dasar adalah penting bagi memastikan setiap inovasi teknologi menepati maqasid dan tidak bercanggah dengan syarak.

Akhirnya, pendekatan maqasid dalam menilai AI bukan sekadar menawarkan alternatif Islam terhadap etika sekular, tetapi memberikan struktur moral yang lebih menyeluruh, berpaksikan iman dan tanggungjawab kepada Allah SWT. Teknologi AI yang dikawal dengan prinsip maqasid bukan sahaja menjamin keadilan dan kemaslahatan sosial, tetapi juga memperkukuh nilai rohani dan keinsanan dalam masyarakat. Dengan itu, kemajuan AI tidak lagi dilihat sebagai ancaman terhadap kemanusiaan, sebaliknya sebagai peluang untuk membina tamadun Islam yang lebih maju, berakhlak dan seimbang antara keperluan duniawi dan ukhrawi.

## Rujukan

- Abas, H. (2025, February 26). Kecerdasan Buatan Ubah Landskap Pembelajaran di Malaysia | *UTM NewsHub*. News.utm.my. <https://news.utm.my/2025/02/kecerdasan-buatan-ubah-landskap-pembelajaran-di-malaysia/>
- Abu Samah, A. (2024). Kecerdasan Buatan Bertanggungjawab (Responsible AI) dalam Internet Benda (IoT): Ke Arah Masa Depan yang Selamat dan Diyakini. *Wadah ICT*. <https://www.ukm.my/wadahict/kecerdasan-buatan-bertanggungjawab-responsible-ai-dalam-internet-benda-iot-ke-arrah-masa-depan-yang-selamat-dan-diyakini/>
- Agil, H., Ahmad, A. L., & Azlan, A. A. (2024). Peranan dan Pengaruh Kecerdasan Buatan (AI) terhadap Industri Periklanan di Malaysia. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 21(2), 303–316.
- Ahmad Taha, J. Z., Sulaiman, S. Z., & Ajmain @ Jima'ain, M. T. (2025). The Use of Artificial Intelligence (ChatGPT) in Islamic Education: An Analysis of Challenges, Opportunities, and Ethical Considerations Based on Maqasid Shariah. *RISE Journal*. <https://rise.teknologi.edu.my/index.php/journal/article/view/51/33>



- Al Jufri, K. A., Awang, M. S., & Sahid, M. M. (2021). Maqasid Syariah Menurut Imam al- Ghazali dan Aplikasinya dalam Penyusunan Undang-Undang Islam di Indonesia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(2), 75–87.
- Al Shouk, Ali. (2018). Dubai Police to Deploy Robotic Patrols. *Australasian Policing*, 10(1), 56.
- Al-Alusi, al-Syihab al-Din a.-S. M. (1994). al-Mathani (Jilid 7, 8, 11, 15 & 21). Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Fadhli, M. A., & Yahaya, M. F. (2022). Arabic Language Learning Using AI-based Tools: A Preliminary Review.
- Ali. (2024). 8 Top AI Tools for Medical Diagnosis in 2025. *AI Mojo*. <https://aimojo.io/ms/ai-tools-medical-diagnosis/>
- Ali, N. (2024). Kecerdasan Buatan AI untuk Pemasaran Digital yang Berkesan. *Dimensi Koop*.
- Aliff Nawawi, Yaakob, M. F. M., Chua, C. C. R., Khamis, N. Y., & Tamuri, A. H. (2021). A Preliminary Survey of Muslims Experts' Views on Artificial Intelligence. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam (International Journal of Islamic Studies)*, 43(2), 3–16.
- Al-Qaradawi, Y. (1994). Thaqaifah al-Da'iyah. *Kaherah: Maktabah Wahbah*.
- Awang, A. H. (2020). Maqasid Shariah Menurut al-Quran dan Hadis. *2nd International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2020 (THIQAHAH 2020)*, ISBN e978-967- 2122-86-9, 281–295.
- Azilawati. (2023). Apa Itu AI. *Blog Azilawati*. <https://people.utm.my/azilawati/2023/11/15/apa-itu-ai/>
- Aziz, A. R. A. (2023). Penerokaan Nilai Agama Berasaskan Maqasid Syariah dalam Meningkatkan Kebahagiaan Keluarga. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), 2–24. e002165. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2165>
- Barokah afiliat. (2025). Hifz Al-Mal. *Scribd*. <https://www.scribd.com/document/742409652/Hifz-Al-Mal>
- Bernama. (2023, August 1). Kerajaan Teliti Keperluan Kawal Selia Etika Penggunaan Teknologi AI. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1134400/kerajaan-teliti-keperluan-kawal-selia-etika-penggunaan-teknologi-ai>
- Bernama. (2025). Malaysia Gesa Perkukuh Keselamatan AI, Kerjasama ASEAN Tangani Ancaman Siber. *United Daily News*.
- Bouazzaouri, S., Witherow, M.A., & Castelle, K.M. (2016). Ethics and Robotics. In: Proceedings of the International Annual Conference of the American Society for Engineering Management. *American Society for Engineering Management (ASEM)*.
- Dr Mohamed Fateh Labanieh & Dr Hafidz Hakimi Haron. (2023). Gubal Kerangka Kerja AI Berdasarkan Maqasid Syariah. *Berita Harian Malaysia*. PressReader. <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20231015/282291029895851>
- Elmahjub, E. (2023). Artificial Intelligence (AI) in Islamic Ethics: Towards Pluralist Ethical Benchmarking for AI. *Journal of Philosophy & Technology*, 36(3), 7–25. <https://doi.org/10.1007/s1334702300668x>
- E-Proceedings of the 3rd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2018). (2018). KUIS, Kajang, Selangor. *Hadith Research Institute (INHAD), International Islamic University College Selangor, MALAYSIA*. eISBN 978-967-44741-6-4.



- European Commission. (2018). Draft Ethics Guidelines for Trustworthy AI. <https://www.euractiv.com/wp-content/uploads/sites/2/2018/12/AIHLEGDraftAIEthicsGuidelinespdf.pdf>
- Firmansyah, F. D. (2023). Artificial Intelligence (AI): Bagaimana Perspektif Islam?. *Arrahim.ID*. <https://arrahim.id/fachr/artificial-intelligence-ai-bagaimana-perspektif-islam/>
- Habib, Z. (2025). Ethics of Artificial Intelligence in Maqāṣid Al-Sharia's Perspective. *KARSA Journal of Social and Islamic Culture*, 33(1). [https://ejournal.uinmadura.ac.id/index.php/karsa/article/view/19617?utm\\_source=chatgpt.com](https://ejournal.uinmadura.ac.id/index.php/karsa/article/view/19617?utm_source=chatgpt.com)
- Hakim, F., Fadlillah, A., & Rofiq, M. N. (2024). Artificial Intelligence (AI) dan Dampaknya Dalam Distorsi Pendidikan Islam. *Urwatul Wutsqo: Jurnal Studi Kependidikan Keislaman*. <https://doi.org/10.54437/urwatulwutsqo.v13i1.1330>
- Hameed, M., Sharqi, S. S., Yaseen, Z. M., Afan, H. A., Hussain, A., & Elshafie, A. (2016). Application of Artificial Intelligence (AI) Techniques in Water Quality Index Prediction: A Case Study in Tropical Region, Malaysia. *Neural Computing and Applications*, 28(S1), 893–905.
- House of Lords (2018) AI in the UK: Ready. Willing and Able. House of Lords Select Committee on Artificial Intelligence. Report of Session 2017–19. 18 June. London: House of Lords.
- Ibn Manzur. (1955). *Lisan al Arab : 15 tom*. Dar Sader, Dar Beyrouth, -56.
- Ismail, A. M, Subri, I. M., Baharuddin, A. S., Ab. Rahman, A. & Rosidi, M. H. (2024). The Role of Maqasid Al-Shariah in Contemporary Fatwa Formulation: A Balanced Approach. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 33(7), 1-28.
- Jabatan Digital Negara. (2021). Bab 1 – Definisi Kecerdasan Buatan (AI). In *Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (AI) Sektor Awam* (pp. 11–32). Jabatan Digital Negara. <https://www.jdn.gov.my/bab-1-definisi-kecerdasan-buatan-ai-2/#>
- Kannike, U. M. M., Fahm, A. O. (2025). Exploring The Ethical Governance of Artificial Intelligence from An Islamic Ethical Perspective. *Jurnal Fiqh*, 22(1).
- Khalil, M., & Er, E. (2023). Artificial Intelligence and ChatGPT in Education: A Review of Peer Reviewed.
- Khan, S., Nazir, A., & Tariq, H. (2023). Overreliance on AI Tools and the Decline of Student Cognitive Skills. *Educational Technology & Society*, 26(1), 12–25.
- Labanieh, M. F., & Haron, H. H. (2023). Gubal Kerangka Kerja AI Berdasarkan Maqasid Syariah. *Berita Harian*. <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20231015/282291029895851>
- Masnih Mustapa. (2025). Pendekatan Maqasid Syariah Dalam Menangani Isu Etika Kecerdasan Buatan (AI): Suatu Kerangka Konsep.
- Masyhadi. (2025, July 2). The Maqashid Al-shariah Approach in Regulating the Ethics of Artificial Intelligence Use. *Innovative Pedagogy and Education Studies (IPES)*, 2(2). 85-93. [https://ejournal.icmandalika.or.id/index.php/IPES/article/view/119?utm\\_source=chatgpt.com](https://ejournal.icmandalika.or.id/index.php/IPES/article/view/119?utm_source=chatgpt.com)
- Mat Saad, H., & Rajamanickam, R. (2021). Maqasid Memelihara Akal (Hifz al-'Aql) dan Hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan [The Maqasid of protecting mind (Hifz al-'Aql) and Its Connection with National Education Philosophy]. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam (International Journal of Islamic Studies)*, 43(Special Issue), 93–104. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-43IK-08>



- Mazri, N. M., Amir Nur Rashid, Z., Megat Laksamana, N. N., & Md Sawari, M. F. (2019). Kedudukan Ilmu Sains dan Teknologi Dalam Menentukan Hukum 'Iddah dan Kesannya Terhadap Maqasid Syariah. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(6), 12–21.
- Md Supi, S. S. (2017). Menunaikan Prinsip Maqasid Al-Syariah. *Institut Kefahaman Islam Malaysia*. <https://www.ikim.gov.my/menunaikan-prinsip-maqasid-al-syariah/>
- Mohamad @ Razak, N. A. (2024, May 17). Kecerdasan Buatan dalam Pendidikan: Perspektif Pedagogi. *E-PENA*. <https://epena.com.my/index.php/2024/05/17/kecerdasan-buatan-dalam-pendidikan-perspektif-pedagogi/>
- Mohd Azam, M. D. I., Ahmad, M. I. A., & Rosidi, M. H. (2025). The Disclosure of a Spouse's Disgrace Before and After Divorce: A Maqasid al-Shariah-based Legal Analysis of the 'spill the tea' and 'exposing ex' Phenomenon. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(6), 5200–5206.
- Mohd Najib, N. W., Basarud-din, S. K., & Fazial, F. (2025). ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) IN ISLAMIC FINANCE: A MAQASID AL-SHARIAH PERSPECTIVE. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 10(40). [https://gaexcellence.com/ijlgc/article/view/5292?utm\\_source=chatgpt.com](https://gaexcellence.com/ijlgc/article/view/5292?utm_source=chatgpt.com)
- Muqri Nizam. (2025, March 26). *Maqasid Syariah dalam Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI)*. The Patriots. <https://thepatriots.asia/maqasid-syariah-dalam-penggunaan-kecerdasan-buatan-ai/>
- Mustapha, A. (2025, November 24). Adakah Kita Sebenarnya Perlukan Etika Penggunaan AI?. *Bernama*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2493166>
- Mustapha, R., Malkan, S. N. A. (2025,). Maqasid Al-shariah in the Ai Era: Balancing Innovation And Islamic Ethical Principles. *International Journal of Islamic Theology and Civilization*, 3(3). [https://ijitc.com/index.php/my/article/view/70?utm\\_source=chatgpt.com](https://ijitc.com/index.php/my/article/view/70?utm_source=chatgpt.com)
- NorizanNizan, M. N. I., Mohd Shaiful Nizam, M. A., Rosli, A. I. A., & Rosidi, M. H. (2025). USIM's Legal Clinic and Divorce Casework: A Maqasid al-Shariah-based socio-legal study. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 1232–1241.
- Othman, M. M., Fazil, M. F. A. M., Harun, M. H. H., Musirin, I., Sulaiman, S. I. (2019). Performance Comparison of Artificial Intelligence Techniques in Short Term Current Forecasting for Photovoltaic System. *International Journal of Power Electronics and Drive Systems*. 10(4):2148-2156. <http://doi.org/10.11591/ijpeds.v10.i4.pp2148-2156>
- Pizzetti, F. G. (2019). The Robot Sophia as a “new citizen” of Saudi Arabia: What About Granting Legal Personhood, “citizenship” and Eventually Dignity to Non-Human Entities with Artificial Intelligence? *Notizie di Politeia* 35(133):63-70.
- Razi, A. M., Rosidi, M. H., Mohd Adnan, J., Mat Yasim, D., & Abdul Majid, M. (2025). The Role of the Federal Territories Mufti's Office in Addressing Contemporary Religious Issues in Malaysia. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 9(07), 3563-3571
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2022). Penggunaan Media dalam Talian Menurut Perspektif Maqāsid Al-Shari'ah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27 (3), 78–105.
- Rosie Ha. (2025). AI dalam Perubatan dan Penjagaan Kesihatan: Manfaat Utama. *INVIAI*. <https://inviai.com/ms/ai-dalam-perubatan-dan-penjagaan-kesihatan>
- Rosli, F. S., Zahari, N. N., Faizolakhman, N. I., & Rosidi, M. H. (2025). The Influence of Social Media on Marital Conflict: An Analytical Study Through the Lens of Maqasid Al-Shariah in



- Preserving Family Stability and Dignity. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 598–608.
- Russel, S., & Norvig, P. (2021). *Artificial Intelligence: A Modern Approach* (4th ed.). Prentice Hall.
- Sakinah, S. (2025, April 24). Malaysia, UAE dan Rwanda Berusaha Meningkatkan Penggunaan AI, Menjambatani Jurang antara Peneraju AI Dunia. *Siakap Keli*. <https://siakapkelimyl.com/2025/04/24/malaysia-uae-dan-rwanda-berusaha-meningkatkan-penggunaan-ai-menjambatani-jurang-antara-peneraju-ai-dunia>
- Serdianus, & Saputra, T. (2023). Peran Artificial Intelligence ChatGPT dalam Perencanaan Pembelajaran di Era Revolusi Industri 4.0. *Masokan: Ilmu Sosial Dan Pendidikan*, 3(1), 1–18. <https://doi.org/10.34307/misp.v3i1.100>
- Shaip. (2025). AI dalam Penjagaan Kesihatan: Fahami Faedah dan Cabaran. *Shaip*. <https://ms.shaip.com/blog/the-role-of-ai-in-healthcare-benefits-challenges-everything-in-between/>
- Sinaga, F. Y. (2025). Etika Penggunaan Kecerdasan Buatan Dalam Perspektif Islam: Mitigasi Risiko Dan Optimalisasi Manfaat. *Tarbiyah Bil Qalam: Jurnal Pendidikan Agama dan Sains*, 9(1). <https://doi.org/10.58822/tbq.v9i1.305>
- Tarmizi, L. (2019). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - Irsyad Usul Al-Fiqh Siri Ke- 33: Pendahuluan kepada Ilmu Maqasid Syariah. *Muftiwp.gov.my; Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/3099-irsyad-usul-al-fiqh-33pendahuluan-kepada-ilmu-maqasid-syariah>
- UTM NewsHub. (2025). Perlindungan Kanak-Kanak di Era Digital Tuntut Tanggungjawab Bersama. *UTM Research & Innovation*. <https://research.utm.my/newshub/perindungan-kanak-kanak-di-era-digital-tuntut-tanggungjawab-bersama/>
- Vinothkumar, J., & Karunamurthy, A. (2023). Recent Advancements in Artificial Intelligence Technology: Trends and Implications. *Quing: International Journal of Multidisciplinary Scientific Research and Development*. <https://doi.org/10.54368/qijmsrd.2.1.0003>.
- Yunus, M. I. M. (2022). Pengenalan kepada Konsep Maqasid al-Syariah. *OER. OUM; Centre for Instructional Design and Technology*. <https://myoer.oum.edu.my/2022/05/18/pengenalan-kepada-konsep-maqasid-al-syariah/>
- Zabidi, A. Z. M., & Pawi, A. A. A. (2025). Prinsip Maqasid Syariah dalam Mendepani Era Kecerdasan Buatan: Perspektif Budaya Melayu. *Jurnal Melayu*, 24 (1), 61–71.
- Zahid, M., Abdullah, P. D. M. (2025). The Ethical Implications of Artificial Intelligence (Ai) In Islamic Societies: A Critical Examination. *Al-Aasar*, 2(2), 803-811.

\* Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on Al-MAQASID Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. Al-MAQASID Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.